

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH B. MOHD NASIR
(JOHOR BAHRU)**

TARIKH : 20 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

**TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) status operasi membanteras golongan pendatang asing tanpa izin (PATI) dengan menghantar mereka pulang ke negara asal ketika krisis COVID-19 ; dan
- (b) berapa jumlah bilangan PATI yang masih ada di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu secara berterusan bagi membanteras kehadiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini.

Operasi penguatkuasaan tersebut dilaksanakan dengan kerjasama agensi penguatkuasa lain terutamanya Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di lokasi-lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan warganegara asing. JIM juga turut melibatkan

NO.SOALAN : 41

Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) / Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta persatuan penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI dalam menangani masalah PATI secara holistik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 59,946 operasi telah dijalankan oleh JIM dengan tangkapan seramai 191,632 orang PATI dan 5,484 orang majikan pada tahun 2016 hingga 2019.

Dari 1 Januari hingga 2 Julai 2020 pula, JIM telah melaksanakan 4,301 operasi yang melibatkan pemeriksaan 68,033 orang warganegara asing. Hasilnya, seramai 17,473 orang PATI dan 250 orang majikan telah diambil tindakan undang-undang. Daripada jumlah tersebut, warganegara Indonesia mencatatkan jumlah tangkapan yang tertinggi iaitu 6,514 dan diikuti oleh warganegara Bangladesh seramai 2,964 orang dan bakinya adalah warganegara Filipina, Myanmar, Thailand dan lain-lain.

Sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 1 Julai 2020, jumlah penghantaran pulang tahanan yang berada di Depot Tahanan Imigresen adalah seramai 5,951 orang.

Pecahan tahanan yang dihantar pulang mengikut warganegara adalah seperti berikut :

Bil.	Warganegara	Jumlah (orang)
1.	Indonesia	4,110
2.	Thailand	637
3.	Myanmar	391
4.	Pakistan	380
5.	Bangladesh	279
6.	China	73
7.	India	26
8.	Sri Lanka	11
9.	Lain-lain	44